

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY
[KAPAR]

TARIKH : 19 November 2015

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah rasional Kerajaan Pusat menamatkan perkhidmatan Tan Sri Gani Patail sebagai Peguam Negara secara tergesa-gesa pada 27 Julai 2015 sedangkan beliau sememangnya akan bersara pada 6 Oktober 2015; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan Pusat untuk memperkukuh peranan Peguam Negara dan fungsi Jabatan Peguam Negara sebagai institusi yang bebas dan independen.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penamatan perkhidmatan Tan Sri Gani Patail sebagai Peguam Negara pada 27 Julai 2015 yang lalu adalah atas sebab-sebab kesihatan. Ia dilaksanakan selaras dengan peruntukan sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Namun begitu, beliau masih lagi berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sehingga beliau bersara wajib pada 6 Oktober 2015.

Sekian, terima kasih.